

07 SEP 2001

SEA-Mahathir

ASIA TENGGARA BOLEH BANGKIT MULAI SUKAN SEA 2001, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Sukan SEA 2001 di Kuala Lumpur seharusnya menyaksikan kebangkitan baru Asia Tenggara dalam bidang sukan antarabangsa.

Perdana Menteri berkata jika Sukan SEA kali ini dapat menjadi titik permulaan ke arah matlamat itu, Malaysia akan terlebih awal berusaha mengerah segala tenaga di bidang sukan daripada segi pengurusan, kejurulatihan dan prestasi supaya Asean akan berdiri megah dan teguh dalam dunia sukan antarabangsa pada masa depan.

Dalam mesejnya di buku cenderamata rasmi Sukan SEA ke-21 yang akan bermula esok, Dr Mahathir berkata sememangnya tiada sebab mengapa komuniti sukan di rantau ini tidak dapat bekerjasama untuk saling membantu dalam mengejar kecemerlangan.

Sukan dwi-tahunan itu yang disertai 10 negara Asean akan dirasmikan di Stadium Nasional Bukit Jalil malam esok oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

"Kerjasama serantau tidak seharusnya mencakup politik dan ekonomi sahaja, ia relevan juga kepada sukan," kata Dr Mahathir.

"Sukan mungkin tidak selalunya dapat mengatasi politik atau ekonomi. Di samping itu ia tidak sama sekali boleh digagalkan oleh kekacauan politik dan kegawatan ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berkata terpulanglah kepada semua peserta Asia Tenggara untuk berusaha tanpa kompromi bagi mencapai paras kejayaan yang setinggi mungkin.

Menurutnya, kesanggupan negara-negara Asia Tenggara untuk bekerjasama tidak seharusnya menjadi persoalan lagi.

Beliau berkata sasaran untuk dikejar ialah untuk meningkatkan mutu atlit rantau ini agar dunia memberi penghormatan sewajarnya kepada ahli sukan Asia Tenggara pada masa depan.

Dr Mahathir berkata sukan antarabangsa termasuk Sukan Olimpik sentiasa mempunyai implikasi yang lebih luas daripada semata-mata untuk mewujudkan kesempatan bagi atlit membuktikan siapa di antara mereka yang lebih unggul.

Apabila peserta dari negara-negara rantau ini berhimpun, sudah pasti ia menggalakkan perhubungan yang dapat menjalin persahabatan erat, baik di kalangan atlit mahupun penonton.

"Hubungan diplomatik yang harmonis antara negara tidak dapat dikekalkan hanya dengan adanya pertalian erat di kalangan para pemimpin. Tanpa akar tunjang, pertumbuhan pokok tidak dapat kukuh," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata tujuan utama Sukan SEAP dimulakan di Bangkok pada 1959 adalah untuk memupuk persahabatan yang erat di kalangan penduduk Asia Tenggara.

Dr Mahathir berkata sebagai tuan rumah Sukan Komanwel dan negara anggota Komanwel pertama dari Asia diberi penghormatan itu pada 1998, Malaysia telah mencapai kejayaan yang diakui ramai.

"Ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai pengalaman dan kemampuan untuk mencapai sasaran tinggi yang telah ditetapkan," katanya.

-- BERNAMA

MKO MKO MAI